

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN ALI**

**KAWASAN \* : GOMBAK**

**TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 39**

YB. TUAN MOHAMED AZMIN ALI [ GOMBAK ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah konsep program vendor yang akan dijanakan oleh Proton Holding Berhad dalam usahasama dengan PT Adiperkasa Citra Lestari.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

PROTON telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama syarikat PT Adiperkasa Citra Lestari, Indonesia bagi menjalankan kajian kemungkinan (*feasibility study*) pada 6 Februari 2015 untuk membangunkan dan menghasilkan kereta untuk pasaran Indonesia.

Sehubungan itu, sebarang konsep program pembangunan vendor yang bakal dihasilkan melalui usahasama PROTON dan syarikat PT Adiperkasa Citra Lestari, Indonesia adalah bergantung kepada hasil kajian kemungkinan yang sedang dilaksanakan.

Memandangkan PROTON berpengalaman dan mempunyai pelan tindakan pembangunan vendor, pelbagai bentuk konsep pembangunan vendor boleh diterokai oleh kedua-dua pihak bagi meningkatkan hasil negara masing-masing.

Semua aktiviti kerjasama yang bakal dikenalpasti akan dimuktamadkan melalui sebuah perjanjian usahasama (*Joint Venture agreement*) di antara kedua-dua syarikat setelah kajian kemungkinan selesai dilaksanakan.